

12 OCT 2001

Pelajar

YAYASAN SP SETIA SASAR 2,000 PELAJAR MISKIN JADI ANAK ANGKAT

KANGAR, 12 Okt (Bernama) -- Seramai 2,000 pelajar miskin sekolah rendah di seluruh negara akan dijadikan anak angkat oleh Yayasan SP Setia sehingga pertengahan tahun depan.

Pengerusi yayasan itu Datuk Radzi Sheikh Ahmad berkata pada masa ini seramai 1,500 pelajar daripada beberapa negeri dipilih sebagai anak angkat dengan setiap seorang menerima bantuan antara RM700 dan RM800 setahun.

Bercakap kepada para pemberita selepas menyampaikan sumbangan kepada 130 pelajar Perlis yang dipilih sebagai anak angkat yayasan itu hari ini, Radzi berkata yayasan itu memperuntukkan kira-kira RM2 juta untuk program itu sehingga pertengahan tahun depan.

Yayasan itu diwujudkan pada awal tahun lalu oleh SP Setia Berhad, sebuah syarikat yang tersenarai di papan utama BSKL sejak 1996.

Antara kegiatannya ialah mengadakan malam amal sebanyak dua kali tahun lepas yang berjaya mengumpul RM5 juta dan malam amal ketiga akan berlangsung Mac tahun depan di Kuala Lumpur dan turut mengundang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Radzi yang juga Ketua Umno bahagian Kangar, selama ini pelbagai pihak memberi tumpuan bagi membantu para pelajar miskin yang bakal menduduki peperiksaan di peringkat menengah manakala para pelajar sekolah rendah agak terpinggir daripada sumbangan seumpama itu.

Radzi yang juga bekas timbalan menteri dalam negeri berkata selain memberi sumbangan, yayasan itu turut meninjau para pelajar yang dijadikan anak angkat bagi mendekati kehidupan sebenar mereka.

Antara penemuan hasil lawatan itu baru-baru ini ialah kes tiga pelajar perempuan adik beradik di Kuala Lumpur yang terpaksa berkongsi sepasang pakaian sekolah akibat terlalu miskin dan yayasan telah membantu ketiga-tiga mereka melalui program anak angkat itu.

Sementara itu, Pengarah Pendidikan Perlis Dariah Saad berkata sumbangan yayasan itu akan meringankan beban pelajar sekolah rendah dari keluarga termiskin.

Katanya pemilihan pelajar untuk disenaraikan dalam program itu dilakukan oleh pihak sekolah dengan menyiasat latar kehidupan keluarga mereka.

-- BERNAMA

AD RON